

# Perang dengan Singapura jika...

KUALA LUMPUR 8 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan Pas bahawa negara mungkin dilanda peperangan jika parti itu terus mengambil tindakan-tindakan negatif dan berbahaya berhubung isu Pulau Batu Putih.

Perdana Menteri menegaskan, cubaan anggota-anggota parti itu untuk memacakkan bendera di pulau berkenaan baru-baru ini bukan sahaja boleh menjejaskan hubungan Malaysia-Singapura tetapi juga boleh mengheret negara ke kancah peperangan.

## Provokatif

Beliau berkata, tindakan tersebut bersifat provokatif yang seharusnya tidak dilakukan oleh parti itu.

"Tindakan mereka seolah-olah mengajak orang berperang. Apa kata kalau orang dari negara lain cuba pacakkan bendera mereka di pulau-pulau milik kita," kata beliau pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Tertinggi UMNO di sini hari ini.